



PELAN PEMULIHAN NEGARA - FASA 4

SOP KEMUDAHAN SISA PEPEJAL

Dikemaskini pada 16 Februari 2022

Merangkumi

Kemudahan sisa pepejal di negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672 serta di negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672 seperti berikut:

- Tapak pelupusan sisa pepejal sanitari dan bukan sanitari;
- Stesen pemindahan sisa pepejal; dan
- Kemudahan rawatan sisa pepejal.

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 243/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Mematuhi SOP KKM, MKN, KPKT, KKR dan KBS.
- Sentiasa mematuhi SOP yang lain yang dikeluarkan oleh kementerian atau agensi yang bertanggungjawab dalam rantai bekalan (*supply chain*) industri pengurusan sisa pepejal. Ini termasuklah meliputi pengeluar bahan, pengedar bahan, pembekal jentera dan peralatan termasuklah perkhidmatan logistik.
- Mematuhi Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 di Tapak Bina Bil. 1/2020 dan Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan COVID-19 di Tapak Bina Bil. 2/2020 yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Waktu Beroperasi	Pembinaan: 7.00 pagi – 7.00 malam (lebih masa dibenarkan dengan kelulusan)	Waktu Kehadiran Pelanggan	9.00 pagi – 5.00 petang (dibenarkan dengan kelulusan)	Kapasiti Pekerja	100%
	Pengoperasian: Fasiliti di lapangan beroperasi seperti biasa				

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pemakaian pelitup muka dan sarung tangan	Mewajibkan pemakaian pelitup muka (<i>face mask</i>) dan sarung tangan (<i>glove</i>) kepada pekerja-pekerja dan pelawat.
Penyediaan QR Code bagi pendaftaran	Kontraktor dan operator wajib menyediakan QR Code bagi tujuan pendaftaran.
Pendaftaran menggunakan aplikasi MySejahtera dan / atau QR Code	<ul style="list-style-type: none"> • Pekerja dan pelawat hendaklah berdaftar dengan mengimbas QR Code melalui aplikasi MySejahtera. • Penggunaan aplikasi MySejahtera untuk rekod kehadiran adalah diwajibkan. Penggunaan buku pendaftaran kehadiran pelanggan dibolehkan di kawasan yang tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain). • Hanya individu dengan status “<i>Low Risk</i>” termasuk “<i>Casual Contact Low Risk</i>” dalam MySejahtera dibenarkan masuk ke dalam premis. Individu berstatus ‘<i>Close Contact</i>’ / ‘<i>Person Under Surveillance</i>’ / ‘<i>Suspected Case</i>’ / ‘<i>Confirmed Case</i>’ dan individu di bawah <i>Home Surveillance Order</i> (HSO) adalah tidak dibenarkan sama sekali.
Mesyuarat Tapak	Mesyuarat secara bersemuka dibenarkan. Walau bagaimanapun, mesyuarat secara atas talian adalah digalakkan.
Penjarakan fizikal	Memastikan penjarakan fizikal 1 meter setiap masa semasa berada di tapak bina.
Kebersihan	Kontraktor perlu menyediakan <i>outdoor shower</i> , tisu, <i>hand sanitizer</i> dengan sekurang-kurangnya 70% alkohol dan sabun semasa operasi harian dijalankan.
Pembersihan tangan dan kenderaan	Pelaksanaan pembersihan dan disinfeksi sebelum masuk dan keluar dari kemudahan sisa pepejal.